



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 28 FEBRUARI 2023**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
SH/SUKNS /BIL.3/2023	Menaik Taraf Sistem Maklumat Geografi Negeri Sembilan (GIS9) – Perkhidmatan Penambahan Modul Baharu Dan Penambahbaikan Aplikasi V3.0 Di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan  <b>Peringatan: Kehadiran taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat.</b>	210102 210103 210104 210108 210110	RM50.00 setiap satu borang	<b>Tarikh:</b> 3 Mac 2023  <b>Masa:</b> 3.00 petang  <b>Tempat:</b> Bilik Mesyuarat UPTM, Tingkat 3, Blok B, Wisma Negeri, 70503 Seremban, N.S.D.K

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **6 Mac 2023 (selepas sesi taklimat) hingga 10 Mac 2023** pada waktu pejabat (**9.00 pagi – 4.00 petang**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 13 Mac 2023 (Isnin)**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.